



## **KAEDAH PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN MELALUI E-PEMBELAJARAN**

Disediakan untuk:

**Pn.Farah Zeehan Binti Othman**

Disediakan oleh:

| <b>Bil</b> | <b>Nama</b>                 | <b>No.Matrik</b> |
|------------|-----------------------------|------------------|
| 1.         | Alinawardati Binti Ismail   | AP060009         |
| 2.         | Nabihah Binti Mohd Halui    | AP060128         |
| 3.         | Siti Mashitah Binti Ibrahim | AP060259         |
| 4.         | Samira Binti Abdul Rashid   | AP060242         |
| 5.         | Zuazlina Binti Mohd Sadri   | AP060302         |

**Tarikh: 13.Januari.2010**

# KANDUNGAN

|   |    |
|---|----|
| KATA PENGANTAR.....                                     | i  |
| <b>BAB 1</b>  |    |
| • PENGENALAN.....                                       | 1  |
| <b>BAB 2</b>  |    |
| • DEFINISI E-PEMBELAJARAN.....                          | 3  |
| <b>BAB 3</b>  |    |
| • SEJARAH PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN .....               | 5  |
| <b>BAB 4</b>  |    |
| • KELEBIHAN PEMBELAJARAN MELALUI<br>E-PEMBELAJARAN..... | 7  |
| <b>BAB 5</b>  |    |
| • KELEMAHAN PEMBELAJARAN MELALUI<br>E-PEMBELAJARAN..... | 12 |
| <br>  |    |
| KESIMPULAN.....   | 13 |
| BIBLIOGRAFI.....  | 14 |

## KATA PENGATAR

بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ

السلام عليكم ورحمة الله

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah s.w.t yang telah mengurniakan kami kekuatan untuk menyiapkan tugas ini dengan jayanya. Selawat dan salam ke atas junjungan Nabi Muhammad s.a.w.

Setelah mencari, meneliti, berbincang serta melalui banyak rintangan dan dugaan, maka akhirnya tugas ini dapat kami persembahkan. Segala yang kami rancang moga-moga mendapat keredhaan Illahi. Kami berusaha, merancang dan bertawakal, Allah juga merancang dan kami berdoa agar perancangan kami selari dengan perancangan Allah s.w.t . Dalam tugas ini, kami akan mengupas dengan lebih lanjut tentang *Kaedah Pengajaran Dan Pembelajaran Melalui E-Pembelajaran*

Jutaan terima kasih dan penghargaan kami hurkan buat Pn. Farah Zeehan Binti Othman selaku pensyarah, penasihat dan penyelia tugas kami. Nasihat dan tunjuk ajar beliau yang banyak mendorong kami untuk melaksanakan tugas ini. Terima kasih juga buat keluarga dan rakan-rakan yang memahami. *Jazakumullahu khairan kathra*. Segala jasa dan pengorbanan kalian moga dibalas dengan jutaan kebaikan.

Akhir kalam, segala yang baik itu datangnya daripada Allah S.W.T dan segala kekurangan datang daripada diri kami yang dhaif.

# **BAB 1**

## **PENGENALAN**

**Zuazlina Binti Mohd Sadri**

Pendidikan merupakan proses penyampaian ilmu pengetahuan dari pendidik atau sumber maklumat yang lain kepada pelajar. Proses ini boleh berlaku secara formal ataupun tidak formal, tetapi matlamat pembelajaran masih tetap sama iaitu untuk membolehkan pelajar menguasai dan memahami apa yang hendak disampaikan oleh pendidik. Penggunaan teknologi komputer dalam proses pengajaran dan pembelajaran sudah pasti akan meningkatkan lagi keberkesanan proses dan hasilnya dalam jangka masa yang pendek mahupun jangka masa yang panjang. Dalam bab ini, perbincangan akan difokuskan kepada definisi e-pembelajaran, sejarah penggunaan e-pembelajaran, kepentingan pembelajaran melalui e-pembelajaran,

Sistem pendidikan masa kini mengalami perubahan yang amat pesat. Pelbagai kaedah baru telah diperkenalkan serta digunakan supaya pengajaran seseorang guru menjadi lebih berkesan dan pembelajaran pelajar menjadi lebih bermakna. Para pelajar diberi peluang untuk menentukan teknik belajar yang bersesuaian dengan mereka, membentuk pengetahuan berdasarkan keperluan masing-masing serta mengalami suasana pembelajaran yang menarik dan berkesan (Jamalludin Harun dan Zaidatun Tasir, 2003). E-pembelajaran atau pembelajaran elektronik umumnya difahami sebagai pembelajaran yang berpusatkan pelajar yang disokong oleh penggunaan teknologi maklumat, komunikasi dan multimedia (ICT) yang menggabungkan kombinasi elemen pendidikan dan teknologi elektronik yang melibatkan komputer dan internet. Kaedah e-pembelajaran ini membolehkan individu mengikuti sesi pembelajaran berdasarkan keupayaan sendiri tanpa perlu mengikuti jadual dan kelas yang ditetapkan. Matlamat utama pembelajaran

elektronik adalah untuk membolehkan proses pembelajaran dilaksanakan tanpa batasan tempat dan masa. ICT berupaya memainkan peranan membantu setiap aktiviti utama dalam proses pendidikan iaitu pembangunan bahan pembelajaran, penyampaian pengajaran, program pengukuhan pembelajaran dan penilaian. (Mohamed Noor Hassan et, al, 2000).

Fokus utama e-pembelajaran adalah menyediakan persekitaran pembelajaran yang berpusatkan pelajar. Suasana e-pembelajaran merangsang pelajar untuk memainkan peranan yang lebih aktif dalam proses pembelajarannya dengan membuat perancangan dan mencari maklumat berkaitan pembelajaran dengan daya usaha dan inisiatif sendiri. Keberkesanan pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi dan komunikasi (ICT) merujuk kepada kebolehan guru mengintegrasikan aspek pedagogi, psikologi, dan teknologi dalam pengajarannya serta kemampuan pelajar mengakses dan belajar dari bahan yang disediakan. Walaupun e-pembelajaran bukan penyelesaian menyeluruh bagi mengatasi kelemahan-kelemahan dalam proses pengajaran dan pembelajaran namun ia merupakan suatu pilihan yang terbaik untuk merealisasikan hasrat mencapai hasil pengajaran dan pembelajaran yang berkesan dan sebagai alternatif kepada kaedah pembelajaran tradisional.

## **BAB 2**

### **DEFINISI E-PEMBELAJARAN**

**Samira Binti Abdul Rashid**

E-pembelajaran boleh didefinisikan sebagai satu pembelajaran elektronik, dimana pada peringkat awal ia berfungsi sebagai satu koleksi pakej pembelajaran dan informasi dalam pendidikan lanjutan. Ianya juga dapat dicapai pada bila-bila masa sahaja dan ianya juga disampaikan secara elektronik. (Dichantz, 2001)

Dalam era teknologi maklumat kini, penyebaran maklumat berasaskan ilmiah berkembang dengan pesat. Seiring dengan perkembangan ini, semua pihak terutama pelajar perlu bersaing untuk memperoleh banyak maklumat bagi memantapkan pembelajaran mereka. Begitu juga pihak guru, ibu bapa dan masyarakat. Dengan itu, e-pembelajaran menjadi salah satu sumber penting untuk mendapatkan maklumat.

Umumnya, e-pembelajaran ialah proses pengajaran dan pembelajaran yang dilakukan secara atas talian (*online*) menggunakan rangkaian elektronik untuk penyampaian isi kandungan, interaksi atau pemudahcara. Azwan dan Rozita (2002) menyatakan bahawa e-pembelajaran merupakan pembelajaran yang menggunakan sistem talian sebagai medium perantaraan antara pengajar dan pelajar.

Menurut Rosenberg (2001) e-pembelajaran merujuk kepada penggunaan teknologi-teknologi internet dengan penyebaran yang meluas dalam mencari penyelesaian untuk peningkatan pengetahuan dan prestasi. E-pembelajaran juga disampaikan kepada pengguna melalui komputer dengan menggunakan teknologi internet yang berpiawai. Di samping itu, Yusup (2000) menyatakan bahawa e-pembelajaran merupakan pendekatan pengajaran dan pembelajaran yang menggunakan teknologi

maklumat dan komunikasi secara terarah pengajar (pendekatan sistem) atau terarah pelajar. E-pembelajaran juga merupakan satu pendekatan pembelajaran yang merupakan satu pendekatan pembelajaran yang menggunakan media digital dan rangkaian komputer untuk menghasilkan pembelajaran yang lebih berkesan terutama menggunakan internet.

Jamaludin (2000) pula mendefinisikan e-pembelajaran sebagai suatu pendekatan pembelajaran yang mana pendidikan, latihan dan maklumat yang berstruktur disepadukan dan disampaikan oleh komputer melalui internet, khususnya web atau cakera keras, CD-ROM ataupun melalui sistem jaringan organisasi. E-pembelajaran bukan sekadar penggunaan *Power Point* untuk pengajaran dan pembelajaran, tetapi merupakan suatu pendekatan di mana interaksi pelajar dengan sistem serta pengajar diberi tumpuan.

## BAB 3

### SEJARAH PENGGUNAAN E-PEMBELAJARAN

**Siti Mashitah Ibrahim**

Pembelajaran elektronik yang juga dikenali sebagai e-Learning atau eLearning merupakan suatu proses pengajaran dan pembelajaran yang melibatkan teknologi komputer sebagai media pengantara dan tidak berlaku interaksi secara peribadi. Pembelajaran elektronik atau e-pembelajaran digunakan dalam pelbagai konteks. Di Amerika Syarikat, ia ditakrifkan seperti satu pendidikan atau pengalaman pembelajaran terancang yang menggunakan satu spektrum teknologi secara meluas, terutamanya berasaskan komputer dan internet.

Pembelajaran jarak jauh dikatakan berkait dengan e-pembelajaran masa kini. Perkembangan pembelajaran jarak jauh telah diperkenalkan seawal tahun 1728 apabila seorang guru yang mengajar kaedah terbaru penulisan trengkas (*short hand*) yang bernama Calb Philips, mencari pelajar untuk belajar dengan menerima isi pelajaran secara mingguan. (Holmberg, 2005)<sup>1</sup>. Charles Wedemeyer daripada Universiti Wisconsin I Madison telah dianggap sebagai bapa pendidikan jarak jauh moden di Amerika. Sekitar tahun 1964-1968, *Carnegie foundation* membiayai *Wedemeyer's Articulated Instructional Media Project* (AIM) yang membawa kepelbagaian teknologi-teknologi komunikasi yang bertujuan untuk menyediakan pembelajaran kepada pelajar yang belajar secara jarak jauh.

Dalam abad ke -20 radio, televisyen dan internet telah digunakan untuk meneruskan pendidikan jarak jauh. Komputer dan internet telah membuat perkembangan

---



pembelajaran jarak jauh lebih mudah dan lebih cepat (Gold dan Maitland, 1999). Universiti Phoenix yang merupakan universiti atas talian, kini telah mempunyai dua ribu pelajar dan dijangkakan untuk memberikan perkhidmatan secara atas talian kepada lima ribu kepada lebih lima ribu pelajar pada tahun 2010 (Merriam et al, 2007). Pada tahun 2006, Sloan Consortium telah melaporkan bahawa 96 peratus kolej-kolej dan universiti di Amerika Syarikat telah menawarkan kursus pendidikan secara atas talian dan hamper 3.2 juta pelajar di Amerika Syarikat telah mengambil sekurang-kurangnya satu kursus pendidikan secara atas talian di akhir 2005.

## **BAB 4**

### **KELEBIHAN PEMBELAJARAN MELALUI E-PEMBELAJARAN**


**Nabihah binti Mohd Halui**

Satu perkembangan yang amat ketara dalam dunia masa kini ialah berlakunya ledakan teknologi maklumat. Dengan adanya kemajuan dalam telekomunikasi, komputer yang dihubungkan dengan jaringan internet telah membolehkan banyak maklumat diperolehi dengan cepat. Inovasi dalam teknologi maklumat ini dapat menyebarkan segala maklumat kepada pelbagai lapisan masyarakat (Nik Azis, 1996). Menyedari hakikat ini, kerajaan Malaysia telah mengambil inisiatif untuk terus memperkembangkan teknologi komunikasi dan maklumat ini dengan menubuhkan Koridor Raya Multimedia (MSC). Tujuh aplikasi utama dalam MSC terdiri daripada kerajaan elektronik, teleperubatan, sekolah bestari, kad pintar, pemasaran tanpa sempadan, kelompok penyelidikan dan pembangunan dan jaringan perusahaan sedunia. Ketujuh-tujuh aplikasi ini mewujudkan telekomunikasi global berkeupayaan tinggi yang membawa Malaysia ke arah negara maju dan makmur (MDC, 2000).

Pihak Kementerian Pendidikan Malaysia melihat ICT sebagai suatu alat untuk merevolusikan pembelajaran, memperkayakan kurikulum, memperkembangkan pedagogi, menstrukturkan organisasi sekolah dengan lebih berkesan, melahirkan hubungan yang lebih kuat di antara sekolah-sekolah dan masyarakat, dan meningkatkan penguasaan pelajar. Konsep ICT dalam pendidikan dari kaca mata KPM merangkumi 3 polisi utama:

- i. ICT untuk semua pelajar, bermaksud bahawa ICT digunakan sebagai sesuatu yang boleh mengurangkan jurang digital antara sekolah.

- ii. Fungsi dan peranan ICT di dalam pendidikan adalah sebagai suatu alat pengajaran dan pembelajaran, sebagai sebahagian daripada subjek tersebut, dan sebagai sesuatu subjek tersendiri.
- iii. Menggunakan ICT untuk meningkatkan produktiviti, kecekapan dan keberkesanan sesuatu sistem pengurusan.



Gambar: Perubahan teknologi masa kini

Internet telah membolehkan perkhidmatan dan program latihan disalurkan melalui talian dan diakses secara jarak jauh. *E- Learning* atau pembelajaran melalui online adalah pembelajaran yang pelaksanaannya didukung oleh jasa teknologi seperti telefon, audio, videotape, transmisi satelit atau komputer. Menurut Lowe (2000) staf akademik dan pelajar mendapati pembelajaran secara talian merupakan satu kaedah yang menyenangkan pembelajaran dan pengajaran.

Pembelajaran ini membolehkan pelajar belajar di mana sahaja dan pada masa yang dipilih oleh pelajar. Ini membolehkan pelajar menguruskan sendiri masanya dengan lebih efektif. Pembelajaran secara maya ini juga melibatkan penggunaan kos secara efektif. Pembelajaran secara interaktif secara talian membolehkan pelajar meneroka maklumat baru menerusi perpustakaan digital atau laman web. Pelajar berpeluang mendapatkan pengalaman berbincang dengan pakar dari universiti melalui e-mel atau *blackboard*. Apabila semakin banyak teknologi diperkenalkan dalam bidang pendidikan,

pendidikan jarak jauh menyediakan satu cara untuk menyebarkan maklumat dan pengetahuan secara global.

Kebaikan pendidikan melalui e-pembelajaran adalah seperti yang berikut:

- i. Pelajar boleh belajar mengikut tahap sendiri berdasarkan keupayaannya.
- ii. Belajar mengikut lokasi yang sesuai samada di pejabat, rumah, universiti dan masa santai kerana kemudahan internet ini boleh diakses di mana sahaja lebih-lebih lagi dengan adanya 3G.
- iii. Pelajar boleh melibatkan diri dalam program yang ditawarkan oleh universiti, kolej, dan kumpulan lain yang menawarkan program berprestij dan berkualiti tanpa berpindah lokasi.
- iv. Pembelajaran melalui e-pembelajaran membolehkan pelajar dilatih untuk menggunakan pelbagai teknologi seperti pemain CD, penyiaran komputer, rakaman pita video dan lain-lain.
- v. Pelajar boleh mengarahkan pembelajaran mereka sendiri akan tetapi panduan pembelajaran diperlukan untuk memudahkan proses pengajaran dan pembelajaran. Pelajar perlu bertanggungjawab terhadap program pengajiannya, menyelesaikan tugas dalam tempoh masa yang ditetapkan, mengumpul maklumat dan membangunkan kemahirannya.

Penggunaan e-learning memberi impak pembelajaran atau peluang yang luas kepada pelajar menerusi penglibatan aktif pelajar, interaktif, kolaboratif dan menggalakkan pembelajaran seumur hidup. Pengalaman pembelajaran boleh diperolehi menerusi penggunaan e-learning tidak dibatasi oleh empat dinding kelas semata-mata; malah penggunaannya mampu menambah nilai pembelajaran sekiranya diurus dalam persekitaran pembelajaran yang sesuai. Nilai-nilai tersebut sebagaimana diberikan oleh (Oblinger, Barone dan Hawkins, 2001) iaitu Exploration, Experience Engagement, Empowerment, Effectiveness, Expanded dan Ease of Use.

Menurut Razman (2003), dengan menggunakan e-pembelajaran semua masalah ini dapat dielakkan kerana sistem e-pembelajaran ini dapat memenuhi kehendak dan kesesuaian pelajar tanpa mengambil kira bilangan pelajar yang mencapai sistem ini. Ini akan menyebabkan mereka lebih terlibat dalam proses pembelajaran.

E-pembelajaran adalah berpusatkan pelajar di mana pelajar perlu berdikari pada masa-masa tertentu. Suasana pembelajaran e-pembelajaran memaksa pelajar untuk memainkan peranan yang lebih dan melibatkan diri dalam pembelajaran secara aktif. Pelajar perlu membuat perancangan dan mencari bahan atau maklumat berkenaan isi pelajaran dengan daya usaha serta inisiatif sendiri. Sistem e-pembelajaran membolehkan pelajar belajar secara sendiri dengan cekap dan efektif. Pelajar berupaya untuk menentukan waktu pembelajaran, objektif yang ingin dicapai dan maklumat yang diperlukan mengikut kehendak sendiri. Selain itu, sistem ini juga membolehkan pelajar mempelajari topik yang sukar mengikut aras keupayaan mereka sehinggalah mereka benar-benar menguasai pengetahuan tersebut.

Rasty (2003) menyatakan bahawa e-pembelajaran menyediakan pelbagai kelebihan yang tidak terdapat dalam proses pengajaran dan pembelajaran di dalam kelas. Antaranya ialah:

- i. Segala maklumat dan maklum balas dapat disediakan dengan lebih tersusun secara terancang kerana adanya jangka masa yang mencukupi.
- ii. Boleh digunakan untuk waktu-waktu kecemasan atau terdesak tanpa menjejaskan waktu pembelajaran.
- iii. Mempertingkatkan motivasi iaitu keyakinan diri serta menggalakkan pelajar terlibat secara langsung dalam proses pengajaran dan pembelajaran.
- iv. Mempertingkatkan serta menggalakkan mutu komunikasi di antara pelajar.
- v. Pendapat serta pengetahuan dapat diterima dan dipindahkan di antara para pelajar dan para guru.

- vi. Membolehkan segala maklumat pengajaran dan pembelajaran diakses sekaligus berupaya untuk membincangkannya.
- vii. Keupayaan untuk mengendalikan perbincangan secara terbuka di mana semua pelajar mendapat hak yang sama untuk memberikan pendapat berbanding perbincangan secara bersemuka di dalam kelas.

## **BAB 5**

### **KELEMAHAN PEMBELAJARAN MELALUI E-PEMBELAJARAN**

**Alina Wardati Ismail**

Menurut pandangan Hassan Mohd Ghazali (2006) dalam kajiannya yang bertajuk “Kelebihan dan Kelemahan Penggunaan Sumber dan Perkhidmatan Internet dalam Pengajaran dan Pembelajaran” terdapat kelemahan dalam penggunaan pembelajaran berasaskan elektronik atau e-pembelajaran. Antaranya :

1. Sumber maklumat yang tidak menyakinkan, kerana tidak adanya autoriti dalam data base tersebut.
2. Tingginya kemungkinan gangguan belajar; sebab sistem tersebut mengkondisikan pelajar untuk belajar sendiri, menyebabkan pelajar yang malas hanya menerima bahan dari pelajar yang rajin mencari maklumat.
3. Fasilitis yang masih tidak mencukupi, terutama dikawasan luar Bandar yang belum mempunyai kemudahan-kemudahan asas.
4. Pembelajaran tidak berlaku dalam bentuk bersekemuka, kalau berlakupun terlalu sedikit.
5. Kurang kawalan daripada pengajar.
6. Pembelajaran sendiri melalui saluran ini menyebabkan pelajar lebih individuistik.

## **KESIMPULAN**

Kesimpulannya, e-pembelajaran atau pembelajaran elektronik dalam pengajaran dan pembelajaran banyak kelebihan dan juga kelemahan. Antara kelebihannya, ia berupaya mempercepat pengajaran dan proses pembelajaran dengan lebih efektif. Banyak kajian-kajian yang telah dibuat menunjukkan pencarian bahan melalui e-pembelajaran lebih terbuka dan memberi peluang kepada pelajar menerokai bahan terbaharu. Lataran itu, keberkesanan pengajaran dan pembelajaran berasaskan teknologi dan komunikasi (ICT) merujuk kepada kebolehan guru mengintegrasikan aspek pedagogi, psikologi, dan teknologi dalam pengajarannya serta kemampuan pelajar mengakses dan belajar dari bahan yang disediakan.

Peluang yang begitu luas sekali untuk mencari bahan dan maklumat dipelusuk dunia sekali gus membantu mendapatkan bahan untuk membantu proses pembelajaran dan juga pengajaran. Lazimnya seperti yang kita sedia maklum, e-pembelajaran berupaya memainkan peranan membantu setiap aktiviti utama dalam proses pendidikan iaitu pembangunan bahan pembelajaran, penyampaian pengajaran, program pengukuhan pembelajaran dan penilaian.

Bahan-bahan yang begitu banyak dapat diproses dan ditapis untuk digunakan sebagai bahan pembelajaran. Pelajar dengan menggunakan pendekatan pembelajaran sendiri dapat menyesuaikan masa dan ruang untuk belajar dan tidak terlalu bergantung dengan pensyarah semata-mata.

Secara umum, pembelajaran masa kini dilihat daripada perspektif yang lebih luas yang mana penggunaan teknologi, terutamanya Internet dalam pembelajaran telah banyak mengubah kaedah pembelajaran. Kaedah e-pembelajaran yang semakin popular di pelbagai peringkat pendidikan, iaitu sekolah rendah, sekolah menengah dan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) menjadi dominan penting dalam pembelajaran masa kini.



## **BIBLIOGRAFI**

Dichantz, H. (2001). *E-learning, a linguistic, psychological and pedagogical analysis of a misleading term*. 20<sup>th</sup> ICDE World Conference in Dusseldorf 2001.

Gold, L & Maitland, C (1999). *What's the difference? A review of contemporary research on the effectiveness of distance learning in higher education*. Washington, DC: NEA.

Holmberg, B. (2005). *The evolution, principles and practices of distance education*.  
Bibliotheks- and Informations System der Universitat Oldenburg.

Jamaludin Harun dan Zaidatun Tasir (2003). *Mutlimedia dalam Pendidikan*, Kuala Lumpur  
: Percetakan Cergas (M) Sdn. Bhd.

Jamaludin Mohaidin (2000). *Kesedaran dan Kefahaman Pembelajaran Maya Terhadap Sistem Pendidikan: satu cadangan dalam "Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan 2001"* Kuala Lumpur, Persatuan Teknologi Pendidikan (PTPM) Kertas Kerja 3-14.

Merriam, s., Caffarella, R., & Baumgartner, L. (2007). *Learning in Adulthood New York*:  
Wiley.

Mohamed Noor Hassan et,al (2000). *Penyelidikan Dan Pembangunan E-Learning di UTM Kertas Kerja Konvensyen Pendidikan*, Dewan Sultan Iskandar Universiti Teknologi Malaysia.

Nik Azis Nik Pa (1996). Konsep Maktab Perguruan Bestari. *Jurnal Pendidikan Guru*

Rasty, D. (2003). "Traditional Learning vs E-Learning":

[http://www.addwise.com/articles/traditional\\_learning\\_vs\\_elearning.pdf](http://www.addwise.com/articles/traditional_learning_vs_elearning.pdf) [May 2005]

Razman Osman (2003, Disember 26), *E-Pembelajaran: Cara Belajar Masa Depan*.

Berita Harian. Renaissance Palam Garden Resort, October 24

Rosenberg, M.J (2001).*E-Learning Strategies For Delivering Knowledge In The Digital*

*Age*, Unied States Of America, Mc Graw-Hill.

Yusup Hashim (2000). *Gaya Dan Amalan Pembelajaran Elektronik Di Institusi*

*Pengajian Tinggi*: satu cadangan dalam "Prosiding Konvensyen Teknologi Pendidikan 2001" Kuala Lumpur, Persatuan Teknologi Pendidikan (PTPM) Kertas Kerja 169-180.

